

Kejayaan adik bakar semangat Husna

Kuala Lumpur: Kejayaan Zaidatul Husniah Zulkifli bergelar pemegang rekod 100 meter (m) menyuntik semangat kembarnya, Zaidatul Husna untuk kembali menggarkan trek.

Selpas berehat lebih dari setahun kerana dihantui kecederaan hamstring, Husna yang dikenali dengan panggilan Along dalam kalangan rakan sepelatih cukup gembira dengan kejayaan adiknya, Husniah.

Kata Husna, adiknya sudah membuktikan tiada yang mustahil andai usaha keras dilakukan dan pengorbanan dilakukannya selama beberapa tahun akhirnya berbaloi.

"Ketika menerima Whatapps daripada Adik (Husniah) saya terkejut dan pada masa sama cukup gembira.

"Kegembiraan itu juga dikongsi dengan Abah (Zulkifli Hassan) yang selama ini memberi sokongan padu kepada kami, kembar tunggal dalam keluarga," kata naya.

Tegas Husna semangat dimiliki Husniah sentiasa membakar semangatnya untuk berjuang dan bersaing sesama sendiri seperti se-



HUSNIAH (kanan) kongsikan kegembiraan yang diraih Husniah.

belum ini.

Begitupun selepas sekian lama tidak berlatih kerana kecederaan berulang, Husna berkata untuk mengejar catatan 11.45s itu sukar.

Bagaimanapun ia bukan mustahil namun memerlukan masa selepas sekian lama tidak menyertai sebarang pertandingan. Kali terakhir dia beraksi adalah apabila menyertai Kejohanan Universiti ASEAN Singapura dalam acara 4x100m, tahun lalu.

"Jika ditanya sasaran sudah pasti saya mahu me-layakkan diri ke Sukan SEA tahun ini. Tapi saya perlu merekodkan catatan sekitar 11.7s untuk melepassi syarat kelayakan."

"Saya tahu bukan mudah tapi akan berusaha untuk

mencari keselesaan bertanding terlebih dulu," katanya yang kini berlatih di bawah bimbingan Tan Kok Lim.

Husniah, memecahkan rekod G Shanti berusia 24 tahun di Kejohanan Olahraga Afrika Selatan Speed Series 2 di Stadium Mangaung Athletics Bloemfontein Afrika Selatan kelmarin.

Dia merekodkan 11.45s dengan tiupan angin 0.4 meter persatuan (mps) untuk memecahkan rekod Shanti, 11.50s.

Minggu lalu, Husniah hampir memadamkan rekod 100m itu apabila mencatat 11.36s namun tidak diiktiraf rekod susulan tiupan angin mencecah 2.5 mps berbanding 2 mps yang dibenarkan.